



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 01/2024 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA juga, serta berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah sama-sama melangkah ke Tahun Baru Masihi 2024 dengan penuh kesyukuran.

Pada Tahun Baru Masihi 2024 ini, marilah kita sama-sama memegang tinggi amanah dan menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena menyambut Tahun Baru Masihi 2024, dan seterusnya menjunjung tinggi hasrat Baginda itu dengan penuh komitmen serta gigih berusaha sebagai jentera penggerak Kerajaan khususnya dalam mencapai hasrat dan matlamat Wawasan Brunei 2035 yang semakin hampir untuk direalisasikan. Antara lain Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah seperti berikut:

- i. Baginda menyentuh mengenai kepentingan untuk terus memfokuskan kepada mensasarkan pencapaian matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* serta terus melakar strategi baru menerusi *blueprint-blueprint* yang diyakini mampu untuk membawa negara lebih dekat kepada matlamat-matlamat tersebut. *Blueprint-blueprint* ini seterusnya untuk sentiasa dikemaskini bagi memastikan ianya sentiasa relevan, dan apa juga jurang dalam perancangan dan pelaksanaan akan ditangani secara kolektif tanpa bertangguh;
- ii. Baginda juga menyentuh mengenai faktor-faktor luar seperti pergolakan geo-politik, krisis kesihatan global, kesan perang dagang di antara kuasa besar dan kepesatan kemajuan teknologi, akan terus mempengaruhi hala tuju dunia, dengan bahangnya juga turut dirasai oleh negara kita. Dalam hal ini, Baginda menyeru agar kita perlu mendepani keadaan ini dengan fikiran terbuka untuk memahami perubahan tersebut dan seterusnya memanfaatkan sepenuhnya apa juga peluang yang dibawanya;
- iii. Menyentuh mengenai kepelbagaian ekonomi, Baginda merakamkan rasa gembira atas perkembangan Sektor Bukan Minyak dan Gas yang sangat menggalakkan yang tentu saja hasil usaha bersepadan pihak Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta. Baginda menyeru agar usaha sebegini tidak dihentikan, malah terus dipergiat untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan berdayatahan;

A blue ink signature, likely belonging to the Prime Minister or a high-ranking official, positioned at the end of the document.



-2-

- iv. Baginda seterusnya turut menggesa agar perkhidmatan awam perlu terus meneliti dan melaksanakan pemberian-pemberian dasar dan peraturan, sebagai langkah memperkemaskan lagi sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada, khasnya ke arah mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan perniagaan dan pelaburan, di samping menekankan akauntabiliti para penjawat awam. Dalam masa yang sama, Baginda juga menyarankan agar penerapan nilai-nilai Islam dalam semua aspek urustadbir, perlu terus dititik-beratkan, selaras dengan langkah memelihara Maqasid Syar'iah bagi kelangsungan dan kestabilan negara;
- v. Baginda juga menyentuh mengenai pelaksanaan dua (2) inisiatif penting yang telah diperkenalkan untuk menjaga kebajikan warga kerja dalam sektor perkhidmatan awam dan swasta, iaitu Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) dan gaji minima bagi sektor-sektor tertentu, serta seterusnya berharap inisiatif-inisiatif berkenaan akan jadi pendorong untuk memajukan diri;
- vi. Berkaitan pendidikan pula, khususnya mengenai dengan pelaksanaan Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama dari Darjah Pra hingga Darjah Tiga ke Dalam Sistem Pendidikan Umum yang telah bermula bulan November lepas, Baginda mengambil maklum ianya telah menimbulkan pelbagai persepsi dan reaksi. Dalam hal ini, Baginda berharap agar semua pihak akan memahami bahawa rancangan ini adalah bertujuan untuk menjaga kesejahteraan para pelajar melalui keseimbangan suasana dan pembelajaran. Kerana itu, sokongan semua pihak khasnya ibu bapa adalah masih diperlukan bagi keberkesanan dan kesinambungan usaha ini;
- vii. Berkaitan dengan isu perubahan iklim, Baginda menekankan negara akan terus mengambil berat usaha-usaha di peringkat global dan oleh itu, pembentukan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) dan pelantikan negara sebagai Tuan Rumah bagi Pusat Perubahan Iklim ASEAN (*ASEAN Centre for Climate Change*), adalah merupakan antara terjemahan dari komitmen tersebut;
- viii. Mengenai hal ehwal luar negara pula, Baginda menyentuh negara turut melahirkan kebimbangan yang amat mendalam terhadap keganasan yang sedang berlaku di Palestin dan mengharapkan supaya pihak-pihak berkenaan akan terus mematuhi kewajipan menghormati undang-undang antarabangsa, termasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khasnya dalam usaha melindungi keselamatan orang awam. Baginda berharap agar rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama berdoa semoga rakyat Palestin akan sentiasa mendapat perlindungan dan pemeliharaan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Dalam pada itu, sebagai tanda simpati yang mendalam, Baginda mengambil maklum Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan menubuhkan tabung kemanusiaan untuk rakyat Palestin, di samping doa dan Qunut Nazilah bagi rakyat dan negara Palestin juga dibaca di masjid-masjid. Baginda seterusnya berharap agar rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama menyumbang kepada tabung berkenaan sebagai derma atau sedekah kerana Allah *Subhanahu Wata'ala*;

..3/



-3-

- ix. Baginda seterusnya menyentuh mengenai dengan negara pada tahun ini akan menyambut 40 tahun mencapai kemerdekaan penuh yang mana kejayaan dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan dalam tempoh yang lama ini adalah berkat usaha bersepada dan dengan izin Allah jua. Baginda berharap semoga sambutan kali ini akan lebih mengukuhkan lagi patriotisme dikalangan generasi masa kini, selaku rakyat dan penduduk yang ta'at setia lagi gigih untuk membawa negara mencapai Wawasan Brunei 2035;
- x. Akhirnya, Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga perkhidmatan awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs), di atas komitmen dan usaha gigih kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2023; dan
- xi. Baginda turut merakamkan penghargaan kepada negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama yang baik yang dihulurkan.

Di dalam usaha kita menjunjung dan mananai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan terhadap jentera pentadbiran awam di negara ini khasnya, untuk sentiasa mengamalkan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dalam merancang dan melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Selaku warga perkhidmatan awam, marilah kita sama-sama mananai amanah ini dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan ikhlas dan penuh komitmen demi kesejahteraan rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Brunei Darussalam pada masa ini dan generasi yang akan datang. Semoga usaha-usaha murni kita akan sentiasa mendapat keredhaan dan ganjaran pahala yang setimpal serta berterusan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'alaa.

'Menyatukan Hati, Memenuhi Impian, Mencapai Wawasan 2035'

A blue ink signature in cursive script, appearing to read "Ajman bin Haji Meludin".
[AJMAN BIN HAJI MELUDIN]
Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2024
Tarikh : 19 Rejab 1445/ 30 Januari 2024